



فرساتوان ايبو باف بان كورو

PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU
SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU

JPK 03-07/3200 (268)

Batu 19 Jalan Kodiang,
06000 Jitra,

Kedah Darul Aman,
Malaysia,

Tel : +604-9257855

Fax : +604-9257844

E-mail: pibgkupsis@gmail.com

Ruj. Kami: KUPSIS. 100-13/1/4

Tarikh : 09 Mei 2023

Ibu bapa/Penjaga dan Guru
SM Sains Kubang Pasu

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIBG SM SAINS KUBANG PASU
KALI KE-14 SECARA DALAM TALIAN TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya perkara dia atas adalah dirujuk.

2. Butiran mesyuarat adalah seperti berikut:

Tarikh : 10 Jun 2023 (Sabtu)

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Lokasi Masing-masing (*Google Meet*)

3. Sukacita dimaklumkan, ketetapan Mesyuarat Agung Tahunan PIBG Tahun 2023 dipilih secara dalam talian adalah atas beberapa sebab:

3.1 Bertepatan dengan Pelaksanaan dan Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Ibu Bapa-Guru Secara Dalam Talian di Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang terkandung dalam surat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia KPM.100-1/3/1 Jld.8(36) bertarikh 22 Mac 2023;

3.2 SM Sains Kubang Pasu pernah mencatatkan rekod murid positif COVID-19 seramai 16 orang dan lebih daripada 90 orang bergejala dan dikuarantinkan pada April 2023. Malah rekod yang terkini pada 2 Mei 2023 telah mencatat satu kes murid positif COVID-19;

3.3 Lebih 23% jumlah ibu bapa / penjaga murid berada di luar negeri Kedah termasuk dari Sabah dan Sarawak.

4. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah dengan segala hormatnya menjemput YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan hadir ke mesyuarat tersebut melalui pautan mesyuarat yang akan dikongsikan oleh pihak urus setia nanti. Kerjasama dan sokongan daripada pihak YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan amatlah dihargai.

5. YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan dipohon bagi mencalonkan AJK PIBG bagi Sesi 2023/2024, mengisi kehadiran dalam MAT dan mencadangkan usul dan cadangan melalui pautan yang disediakan. Usul dan cadangan yang diberikan akan disaring dan hanya yang terpilih akan dibentang dan dibahaskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan tersebut.

5.1 Pencalonan AJK PIBG SM Sains Kubang Pasu Sesi 2023/2024 <https://forms.gle/NQCDreMCGeihjJSu5> (sila isi dan hantar sebelum atau pada **3 Jun 2023**).

5.2 Usul dan cadangan dan Borang Kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan PIBG SM Sains Kubang Pasu <https://forms.gle/TiJccXhN9MzFinxT7> (sila isi dan hantar sebelum atau pada **3 Jun 2023**).

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(WARNIZA BINTI WAHAB)

Setiausaha PIBG,

Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu.

s.k:

1. Tuan Pengetua
2. Fail PIBG

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIBG SM SAINS KUBANG PASU
KALI KE-14 SECARA DALAM TALIAN TAHUN 2023

1. Ucapan Yang Di-Pertua PIBG
2. Ucapan Pengetua (Penasihat PIBG)
3. Membentang dan Menerima Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-13 2022.
4. Membentang dan Menerima Laporan Tahun 2022.
5. Membentang, Menerima dan Meluluskan Penyata Kewangan PIBG (berakhir 31 Disember 2022).
6. Membahaskan Usul-Usul.
7. Pembubaran AJK 2021/2022
8. Pelantikan AJK 2023/2024
9. Hal-hal Lain.
10. Ucapan Penangguhan.

Nota

(untuk makluman dan tindakan)

1. Pengundian pencalonan AJK PIBG sesi 2023/2024 hanya dengan menggunakan **e-mel MOE milik anak yang bersekolah di SM Sains Kubang Pasu sahaja.**
2. Ibu bapa dan guru yang bersetuju untuk hadir MAT secara dalam talian perlu mengisi pautan pengesahan kehadiran yang diberikan selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum MAT dilaksanakan.
3. Akses panggilan mesyuarat MAT secara dalam talian kepada ibu bapa dan guru diserahkan selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum MAT secara dalam talian dilaksanakan.
4. Memastikan talian Internet pada pautan MAT adalah baik serta mudah diekses sekurang-kurangnya satu (1) jam sebelum MAT secara dalam talian bermula.
5. Ibu bapa dan guru perlu masuk ke pautan MAT secara dalam talian sekurang-kurangnya 30 minit sebelum MAT secara dalam talian bermula.